

**MAJLIS DAERAH BATU GAJAH
PERAK DARUL RIDZUAN
BAHAGIAN LANDSKAP
JABATAN PERANCANG BANDAR DAN LANDSKAP**

Bil(06)dIm.MDBG.(JPBL).400-5/6/7

Tarikh : 09 Ogos 2021

NOTIS SEBUT HARGA

(SEBUT HARGA: 32/2021)

SEBUT HARGA UNTUK KONTRAKTOR BERTARAF BUMIPUTERA SAHAJA

Sebut harga adalah dipelawa daripada syarikat yang masih sah berdaftar dengan **KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA** dalam kelas dan jenis pendaftaran yang berkaitan serta yang masih dibenarkan membuat tawaran bagi melaksanakan kerja-kerja seperti yang berikut:-

BIL.	BUTIR- BUTIR SEBUT HARGA	KELAYAKAN	TARIKH DAN WAKTU DOKUMEN DIJUAL	TEMPAT DOKUMEN DIJUAL	TARIKH DAN WAKTU TAWARAN DITUTUP
1.	No Sebut harga: 32/2021 Projek: MEMBEKAL, MENGHANTAR, MENGUJI, MENDAFTAR DAN MENTAULIAHKAN SATU (1) UNIT JENTERA BACKHOE CASE 570ST (2WD) BERKUASA KUDA 96HP UNTUK MAJLIS DAERAH BATU GAJAH.	Kelayakan Kementerian Kewangan KOD BIDANG 110201 (Jentera Berat) Atau 110299 (Pembuat)	Tarikh Di jual: 16 Ogos 2021 Waktu: 8.00 pg hingga 1.00 ptg (Isnin - Khamis) 8.00 pg hingga 12.45 t/hari (Jumaat)	Bahagian Landskap Aras Bawah, Majlis Daerah Batu Gajah Perak Darul Ridzuan. Harga Dokumen: RM 50.00	Tarikh Tutup: 23 Ogos 2021 Jam: 12.00 Tengahari

1. Hanya **Penama** di dalam Sijil Akuan Pendaftaran Syarikat Kementerian Kewangan sahaja boleh menyertai Sebut harga ini.
2. Kontraktor dikehendaki membawa Kad Pendaftaran Kontraktor MDBG/ Sijil pendaftaran Asal kontraktor dan dikemukakan semasa pendaftaran. (wakil tidak dibenarkan).

3. Pendaftaran kontraktor dengan Majlis Daerah batu Gajah bagi tahun 2021 hendaklah dibuat sekurang-kurangnya **sehari sebelum** tarikh taklimat. Sekiranya gagal berbuat demikian kontraktor tidak layak memasuki sebut harga ini.
4. Kontraktor dikehendaki membawa bersama sijil asal **Kementerian Kewangan** yang masih **berkuatkuasa** semasa pendaftaran. Jika tempoh telah **tamat** pihak kontraktor **tidak dibenarkan** untuk menyertai sebut harga.
5. Kontraktor dikehendaki melampirkan salinan **resit bayaran** pada setiap **borang sebut harga** yang berkenaan sebelum dimasukkan ke dalam **Peti Sebut harga**.
6. Semua borang sebut harga yang telah dilengkapkan hendaklah dimasukkan ke dalam **PETI SEBUT HARGA, DI JABATAN PERBENDAHARAAN, MAJLIS DAERAH BATU GAJAH, 31000 BATU GAJAH** seperti di atas.
7. Kontraktor yang mempunyai kelayakan dan memenuhi syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh **MAJLIS DAERAH BATU GAJAH** sahaja yang **layak** untuk dipertimbangkan.
8. Pentadbiran ini tidak terikat untuk menerima sebut harga yang terendah sekali atau mana-mana sebut harga yang disyorkan.



(**MOHAMAD RAZIE BIN RAMLI. AMP**)
Yang Dipertua,
Majlis Daerah Batu Gajah.